

Sains Dan Ijtihad

Dr. S. Mohamed Hatta

Abstract

This article commences by defining science and ijtihad. Knowledge in Islam is then viewed from the twin aspects of fardu 'ain and fardu kifayah. Relationship between science and the Quran is a harmonious one is then highlighted. The different types of masalah, its application and priorities are then discussed before the issues relating to the types of ijtihad and the mujtahid are touched upon. Prior to the conclusion, the role, types and responsibilities of scholars and scientists in Islam are expounded. The degrees of the scholar scientist in Islam are enumerated and briefly explained. Finally, it is reiterated that scientists who claim to profess Islam must be practising Muslims, while Muslim scholars must be enlightened to the changes of modern science. The ignorant and non-practising Muslim scientist is as dangerous to the ummah and mankind as the scientifically unenlightened Muslim scholar.

Pendahuluan

Sebelum kita mendalami tajuk ini, dua istilah penting perlu ditakrifkan terlebih dahulu.

Pertama ialah sains. Ia merujuk kepada segugusan ilmu yang merangkumi sains matematik, sains tabii seperti kimia, fizik serta biologi, dan juga sains kacukan seperti psikologi atau ilmu jiwa. Secara khususnya ia tidak merangkumi pemahaman istilah sains yang bermakna ilmu dalam bahasa Inggeris seperti Quranic sciences ('*Ulum al-Quran*), Hadith sciences ('*Ulum al-Hadith*) atau Islamic sciences ('*Ulum al-Islam*).

Kedua ialah ijtihad. Ia merupakan usaha untuk mengenal pasti petunjuk Allah dengan tujuan menjaga agama-Nya. Seperti juga jihad, ijtihad berasal dari umbi kata yang membawa maksud mencurahkan kemampuan atau menanggung kesusahan.¹ Jika ijtihad merupakan cetusan idea di dalam alam fikiran yang prihatin, jihad pula adalah natijah pengoperasian dalam alam nyata perlakuan dan pengamalan.² Berhubungan dengan perundangan Islam, ijtihad boleh dimaksudkan seperti apa yang didefinisikan oleh al-Shawkani dalam kitabnya *Irshad al-Fuhul* sebagai penggunaan kemampuan dalam memperoleh hukum syarak yang bersifat amali dengan cara *istinbat*.³

Ilmu Dalam Islam

Umumnya, ilmu dalam Islam boleh dibahagikan kepada dua jenis. Kedua-dua jenis ilmu ini diperlukan oleh insan yang beriman untuk hidup berjaya dan bahagian di dunia ini sebagai persiapan untuk alam akhirat nanti.

Kelompok ilmu *fardu 'ain* merangkumi pelbagai ilmu asas yang menjadi syarat ke arah pembinaan individu Muslim yang beriman. Menerusi ilmu-ilmu inilah insan Muslim menyiapkan dirinya untuk hidup dengan keredaan Ilahi di samping ia menjadi persediaan dirinya untuk mengendalikan hidup ini dengan cara yang salih serta selamat. Yang menjadi fokus utama pentarbiahan ini ialah diri dalaman insan. Terangkum di dalamnya fungsi akal dan kalbu yang serentak menentukan peringkat nafsu individu.

Kelompok ilmu *fardu kifayah* pula merangkumi berbagai-bagai ilmu tentang insan, sains tabii, teknologi, dan aneka bidang ilmu yang dapat mengembangkan potensi diri dan mendatangkan manfaat kepada masyarakat, negara dan umumnya, manusia sejagat.⁴

Ilmu Sains dan al-Quran

Perhubungan antara al-Quran dan sains merupakan satu perhubungan yang istimewa dan harmonis.⁵ Dengan secara langsung, perhubungan ini mengandungi prinsip bahawa alam semulajadi mengandungi banyak tanda (*ayat*) yang membuktikan tentang keagungan Pencipta segala kejadian ini, seperti mana yang diabadikan dalam berbagai-bagai ayat al-Quran sendiri.

Sebagai sebuah kitab suci yang mengandungi petunjuk dan penawar bagi insan, al-Quran juga terdiri daripada ayat-ayat yang mengandungi prinsip-prinsip kejadian dalam pelbagai bidang termasuk astronomi, biologi, geologi, matematik, antropologi, ekonomi, sosiologi, psikologi, seksologi, fisiologi, kimia, perubatan dan oftalmologi.^{6,7}

Tauhid dan Pendekatan Sains

Semangat penerokaan dalam bidang sains berpunca dari kesedaran tauhid dalam diri insan Muslim.⁸ Semakin akal manusia meneliti fenomena alam tabii

yang disediakan oleh Allah untuk dinikmatinya, semakin kalbunya merasai dan menginsafi akan kewujudan Tuhan. Walaupun banyak ciptaan yang dihasilkan oleh akal yang kreatif, ini tidak menjadikan dirinya angkuh kepada Allah yang diterimanya sebagai bersifat Maha Pencipta.

Pencapaian kerohanian dan kecemerlangan sains bukan langsung merupakan perkara yang mustahil bagi ahli sains Islam. Malah seringkali kedua-duanya berkembang serentak dan beriringan pula.

Pakar-pakar sains Islam yang juga sekaligus merupakan para failasuf seperti al-Razi, Ibn Sina, serta al-Zahrawi dalam bidang perubatan; dan al-Biruni dalam bidang perbandingan agama serta pemupuk benih antropologi moden; bukan sahaja terbilang akan ketrampilan serta keprihatinan semangat eksperimentasi mereka, tetapi juga telah berani meneroka bidang-bidang baru dalam memajukan penghasilan sains demi kepentingan umat manusia sejagat. Seiringan dengan itu, tidak ada di antara mereka yang memberontak dan mengingkari kekuasaan Allah s.w.t. sebagai Pencipta segala kejadian ini.

Sains dan *Maslahah*

Tidak dapat dinafikan bahawa menurut perundangan Islam, ilmu dan pengamalan sains dikembangkan demi menjaga masalah atau keperluan kemajuan hidup insan.

Dari sudut keutamaan atau *aulawiyat*, masalah boleh dibahagikan kepada:

1. *Maslahah daruriyyah* (memelihara keperluan asasi)

Ia mengambil tempat yang tertinggi sekali dalam hirarki masalah kerana tanpanya, kehidupan dunia akan cacat sementara hilang pula nikmat kehidupan akhirat. Pada prinsipnya, ia berfungsi untuk memelihara 5 perkara iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

2. *Maslahah hajiyyah* (memelihara kepentingan insan dalam keperluan sampingan)

Ia merupakan segala perkara yang diperlukan oleh insan bagi mengelakkan kesukaran dan dapat mengelakkan kesulitan dalam hidup, walaupun kehidupan dunia sendiri tidak cacat atau musnah tanpanya. Ia berlaku dalam 4 bidang iaitu ibadat, adat, jenayah dan mu'amalat.

3. *Maslahah tahsiniyyah* (memelihara keselesaan dan keharmonian hidup)

Ia mempergunakan segala perkara yang layak dilakukan untuk meningkatkan kemuliaan akhlak, ketinggian maruah serta keindahan adat. Tanpanya, walaupun kehidupan dunia tidak cacat, seorang individu akan dibenci oleh orang yang berfikiran waras dan matang serta mempunyai kalbu yang tenang dalam kehidupan yang sejahtera.⁹

Dari sudut ruang lingkup pula, masalah boleh dibahagikan kepada 3

bahagian:

1. *Maslahah 'ammah* (kepentingan awam)
2. *Maslahah aghlabiyyah* (kepentingan orang kebanyakan)
3. *Maslahah khassah* (kepentingan orang perseorangan)

Jika *masalah 'ammah* bertembung dengan *masalah aghlabiyyah*, maka *masalah 'ammah* mesti diutamakan. Jika *masalah aghlabiyyah* bertembung dengan *masalah khassah* pula, hendaklah *masalah aghlabiyyah* diutamakan.¹⁰

Perkembangan sains yang amat pesat di dunia moden kini membawa dua kemungkinan yang asas. Kemungkinan yang pertama ialah manusia mengembangkan penerokaan serta pengamalan sains demi kepentingan umat insan dan alam jagat. Kemungkinan yang kedua ialah kemajuan sains dikembangkan hanya untuk menyahut runtunan nafsu ingin tahu insan tanpa mempedulikan akibat buruk bagi alam raya dan insan dari sudut etika saintifik. Sudah pastilah bahawa kemungkinan pertama sahaja yang sesuai dengan konsep Islam.

Islam tidak membenarkan umatnya terlibat dalam alam sains hanya semata-mata untuk memuaskan sifat ingin tahu atau hanya sekadar menyahut seruan nafsu yang menagih pencapaian cemerlang dalam kehidupan duniawi. Islam sentiasa menekankan tentang peri mustahaknya suasana *tawazun* wujud antara keselesaan hidup di dunia dan kebahagiaan hidup di akhirat. Lantaran inilah perkembangan sains mesti dilihat dan disuburkan menerusi sikap berani menjana ijtihad dan fatwa yang cukup luas pelaksanaannya. Jika pengoperasian sains tidak dipandu oleh hukum yang jelas, maka natijah pengembangan sains tidak akan menguntungkan insan ataupun dapat memelihara masalah kehidupannya sebagai khalifah Allah di muka bumi ini. Namun begitu, jika ijtihad yang dihasilkan gagal menghayati roh bidang sains yang perlu ditelitinya, maka hukum yang ditentukan akan pasti menyempitkan ufuk pemikiran sains, lantas merencat perkembangannya.

Dalam menimbang masalah yang mahu dipelihara, faktor-faktor *waqi'*, *bi'ah*, dan zaman mestilah diambil kira, kerana fatwa boleh berubah dengan perubahan zaman.¹¹ Tanpa mengambil kira faktor-faktor ini, umat Islam akan pasti ketinggalan dalam memperbaiki nasibnya, sementara ia tidak dapat langsung memimpin dunia atau menerajui tamadun manusia.

Sikap Dalam Berijtihad

Dalam menentukan ijtihad, adalah dituntut agar kita berada di jalan yang tengah dan bersikap sederhana; dan tidak menjadi puak pelampau dalam berijtihad seperti kelompok yang terlalu ketat hingga menyempitkan peluang dan bidang ijtihad atau sebaliknya menjadi kelompok yang terlalu longgar hingga mementingkan *masalah* daripada *nass*.

Kelompok pelampau dan terlalu ketat dalam tindak tanduk menentukan hukum bersikap *sectarian* (*ta'ifi*) dan tidak bersikap tolak ansur. Pendapat ulama

mazhab dan golongannya sahaja yang betul dan patut dituruti tanpa melayani kemungkinan bahawa ijtihad serta fatwa boleh tersilap, sementara orang lain pun mampu juga menatijahkan ijtihad yang betul. Di kalangan mereka ada juga golongan yang meneliti hadith dan tidak mengamalkan fiqh serta usulnya. Mereka tidak meneliti sebab-sebab perbezaan pendapat yang berlaku di kalangan ahli-ahli fiqh dan cara mereka mengambil istinbat hukum, serta tidak pula memerhatikan maksud-maksud hukum. Mereka tidak mengambil kira hakikat bahawa fatwa boleh berubah disebabkan oleh perubahan zaman, tempat dan keadaan.

Kelompok yang terlalu longgar pula merangkumi dua aliran. Yang pertama mendahulukan masalah daripada nas dan tergolong daripada mereka yang tidak memiliki keahlian dalam bidang Syariah. Yang kedua pula terdiri daripada mereka yang suka menghalalkan apa sahaja fenomena yang terjadi. Aliran *tabrir* ini mudah menggunakan pendapatnya sebagai ijtihad.

Kelompok yang sederhana mengambil jalan tengah dan menghormati nas serta memahami maksud-maksud Syariah yang sentiasa relevan dengan tuntutan zaman. Walaupun mereka terus memiliki sikap *ghirah* terhadap agamanya, ilmu dan kewarakan mereka menjadikan mereka golongan moden yang berada di jalan yang lurus.¹²

Syarat Kelayakan Sebagai Mujtahid

Selalunya apabila isu ijtihad dan mujtahid dibincangkan, akan terhibaulah ke ufuk pemikiran beberapa sifat seorang mujtahid mutlak yang dapat mengeluarkan ijtihadnya bagi pengamalan umat Islam sejagat, hasil daripada kredibiliti ilmu dan amalnya.

Syarat-syarat untuk membolehkan seseorang yang faqih menjadi seorang mujtahid mutlak adalah banyak dan ketat pula. Di antara syarat-syarat ini ialah ia wajib:

1. Menguasai '*ulum al-Qur'an* termasuk *asbab al-nuzul* dan *nasikh wa mansukh*.
2. Menguasai '*ulum al-Hadith* termasuk *dirayah hadith* dan *nasikh wa mansukh*.
3. Menguasai bahasa Arab.
4. Mengetahui tempat-tempat *ijma'*.
5. Mengetahui Usul al-Fiqh.
6. Mengetahui maksud-maksud Syariah.
7. Mengenal keadaan manusia dan persekitarannya.
8. Bersifat adil, mulia dan bertakwa.^{13,14}

Mujtahid mutlak seperti ini dapat melakukan ijtihad perseorangan atau *fardi*. Namun begitu ijtihad berkelompok atau *jama'i* adalah lumrah dalam bidang pencetusan ijtihad dalam dunia masa kini yang semakin canggih dan bercambah jenis-jenis ilmunya.

Sains dan Jenis Ijtihad

Ijtihad Fardi

Dalam zaman mutakhir, tidak keterlaluan jika dinyatakan bahawa ijtihad fardi atau ijtihad yang dilakukan oleh peribadi perseorangan masih boleh dilakukan oleh ulama seperti Syaikh Hassan al-'Attar al-Khalwati (lahir 1766M.) yang telah menjadi Syaikh al-Azhar dari tahun 1831 hinggalah akhir hayatnya pada 1835. Di Mesir dan di dunia Islam, beliau merupakan peribadi yang dapat menyepadukan ilmu *al-diniyyah* dengan bermacam-macam ilmu moden seperti metafizika, matematik, astronomi, perubatan dan lain-lain.¹⁵ Tokoh ulama yang seumpama inilah yang mempunyai kredibiliti yang utuh sebagai mujtahid. Apabila ia berijtihad, sukar pula ia dicabar, lantaran spektrum ilmunya yang luas serta berbagai-bagai pula jalur keilmuannya.

Sayid Qutb, seorang mujahid dan da'i moden yang tidak perlu diperkenalkan lagi kepada dunia, telah banyak memberi pandangan yang bernas tentang penghayatan Islam pada zamannya. Namun begitu, apabila beliau melakukan ijtihad fardi, beliau tidak sepi daripada kritikan yang diberi oleh ulama seperti Yusuf al-Qaradawi yang menegaskan bahawa Qutb tersilap melakukan ijtihad. Al-Qaradawi kemudian berpendapat bahawa pandangan Qutb lebih dekat dengan kebenaran dalam bukunya *Al-'Adalah fi al-Islam* jika dibandingkan dengan pendapatnya dalam buku akhirnya *Ma'alim fi al-Tariq*.¹⁶

Ijtihad Jama'i

Ijtihad jenis ini dilaksanakan secara berkelompok oleh segolongan ulama yang dikumpulkan lantaran kefakihan serta kesalihan mereka. Sewajibnya mereka tidak tunduk kepada mana-mana pemerintah dunia dan tidak pula terikat kepada mana-mana bangsa dan mazhab.¹⁷

Ijtihad Sains

Ringkasnya, sesiapa sahaja yang terlibat dalam usaha ijtihad, mestilah bebas daripada paksaan, ancaman atau pengaruh kekuasaan mana-mana pihak yang berkuasa dalam dunia. Untuk kemaslahatan umum dan umat Islam, ada baiknya hukum tentang sesuatu isu saintifik dilakukan menerusi *ijtihad jama'i*. Kelompok ulama yang melakukan ijtihad jenis ini mestilah terdiri daripada para ulama fiqh yang bersedia untuk menimbangkan masalah saintifik dengan pemikiran yang berfuk luas serta sikap berlapang dada dan pakar-pakar sains Muslim yang dapat membentangkan masalah, hipotesis serta penemuan saintifik dengan penuh amanah.

Bolehkah Ahli Sains Digelar Ulama?

Dalam al-Quran, sebahagian daripada ayat ke-28 surah Fatir (35) menegaskan bahawa sesungguhnya mereka yang menakuti Allah adalah mereka yang berilmu. Istilah yang digunakan ialah *al-'ulama*. Maka jika kita memberi penakrifkan

secara umum, sesiapa sahaja yang takutkan Allah dan berilmu boleh digelar sebagai ulama. Seiringan dengan itu pula, sebahagian daripada ayat ke-7 surah al-Anbiya' (21) bermaksud "...tanyalah kepada ahli-ahli ilmu yang mengetahui jika kamu tidak berilmu".

Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa ulama mempunyai tahap ilmu yang berbeza, apatah lagi amalan dan ketakwaannya. Di kalangan ahli-ahli sains pula, peribadi yang berilmu boleh ditimbangkan untuk digolongkan sebagai orang alim di kalangan ulama dengan syarat ia:

- Mempercayai dan menghayati kesemua rukun iman
- Mengamalkan kesemua rukun Islam secara istiqamah dan penuh iltizam
- Menguasai ilmu *fardu 'ain* dan manifestasi bidang ilmu ini jelas dalam kehidupan sehariannya
- Mempelajari ilmu al-Quran, al-Hadith, Usul Fiqh, sirah Nabi dan Sahabat, falsafah Islam, bahasa Arab dan ilmu-ilmu lain yang diperlukan oleh seorang alim
- Menjadi autoriti dalam bidang sains yang diceburinya
- Menghayati tasawur Islam tentang ilmu dan penggunaan sains

Maka jelaslah bahawa walaupun istilah ilmu dan ulama bukan merupakan monopoli mana-mana kumpulan, dari sudut susunan ilmu dan keahlian dalam pelbagai bidangnya, pengenalpastian golongan ulama mestilah dilakukan menurut neraca yang sesuai dengan tuntutan fungsi ilmu dan pelaksanaan amanah oleh orang yang menguasainya. Jika ahli sains tidak dapat memenuhi syarat-syarat di atas, ia tidak boleh dipanggil sebagai ulama dari sudut pentakrifan ulama dalam fiqh dan tradisi Islam. Apa yang boleh berlaku ialah ia hanya bergelar ahli atau pakar sains yang mempunyai ilmu dan pendapat yang boleh dihormati.

Darjat Ulama Sains

Kita boleh membahagikan kelompok ahli sains Muslim kepada dua golongan besar yang merangkumi empat darjat. Pengklasifikasian ini sudah semestinya dirumuskan berdasarkan sifat-sifat yang wujud pada peribadi yang ada di setiap peringkat darjat.

A. Pakar Sains Muslim

1. Bersyahadahkan kalimah tayyibah sahaja tetapi tidak beriltizam atau istiqamah dengan amalan *fardu a'in*.
2. Beriltizam penuh sebagai peribadi Muslim dengan amalan *fardu ain* tetapi tidak menguasai ilmu pasca *fardu a'in* seperti kebolehan bertutur dalam bahasa Arab, menguasai falsafah Islam, dan mempunyai pengetahuan asas tentang usul fiqh.

B. Ulama Sains Muslim

3. Pakar sains yang beriltizam penuh sebagai peribadi Muslim serta dapat menguasai ilmu pasca *fardu a'in* walaupun di peringkat asas.
4. Pakar sains yang juga merupakan ulama pelbagai bidang ilmu al-diniyah dan sains.

Golongan pakar sains Muslim yang bersyahadah sahaja, tanpa mengamalkan rukun Islam boleh dikira sebagai orang awam yang fasik. Menurut neraca Islam yang ketat, seperti mana-mana peribadi yang mengaku Muslim tetapi tidak prihatin dalam menghayati kesemua rukun Islam yang lima, keimanan kelompok ini boleh dipertikaikan. Golongan yang kedua pula adalah lebih baik penghayatan rukun Islamnya, walaupun mereka tidak boleh membuat ijtihad tentang ilmu dan penggunaan sains secara *fardi*. Kedua-dua golongan ini boleh dikenali sebagai pakar-pakar sains Muslim yang mesti merujuk kepada ulama fiqh dalam menentukan fatwa dan ijtihad yang mempunyai kesan langsung ke atas umat Islam.

Golongan ketiga pula merupakan pakar sains yang sudah mempunyai asas yang kukuh dalam memahami prasyarat bagi menentukan hukum Islam dalam bidang sains. Sekalipun mereka boleh digolongkan dalam kelompok ulama sains, adalah lebih jika ijtihad mereka dihasilkan bersama para ulama yang faqih dalam bidang fiqh, ilmu-ilmu al-Quran dan al-Hadith. Walaupun mereka boleh melakukan ijtihad fardi dalam pengendalian isu-isu saintifik seharian, adalah lebih afdal jika fatwa yang mengesani ummah keseluruhannya dihasilkan bersama para *fuqaha'*. Dalam dunia moden, golongan keempat amat sukar ditemui. Malahan tidak keterlaluan jika dinyatakan bahawa golongan keempat sudah pupus dalam dunia Islam.

Namun, ini tidak bermakna umat Islam sudah muflis dan lesu berhadapan dengan cabaran-cabaran sains moden. Apa yang terus berlaku ialah satu sunnah alam di mana perkembangan dan percambahan ilmu amat pesat. Keadaan ini tidak perlu ditangani oleh ummah sebagai satu kenestapaan yang membawa kepada kemusnahannya. Apa yang perlu dilakukan ialah umat Islam wajib menghadapi hakikat ini dengan sikap yang realistik dan positif.

Kesimpulan

Di antara dilema yang dihadapi oleh umat Islam moden ialah persoalan bagaimana caranya untuk menyerapkan kemajuan teknologi dan sains moden ke dalam alam pemikiran dan dan pengamalan umatnya tanpa dikesani oleh pelbagai aliran falsafah kebendaan yang muncul dari Barat.¹⁸ Umat Islam mesti insaf dan sedar bahawa penolakan mentah-mentah perkembangan sains yang dipelopori oleh Barat adalah satu usaha yang sia-sia serta ia menafikan hak umat untuk berpeluang mengembangkan kemajuan sains ini. Umat ini juga yang akan rugi akhirnya jika sikap ini dibiarkan untuk berleluasa. Cabaran yang mendesak ialah untuk mencari

cara pemanfaatan penemuan sains moden di samping kemurnian akhlak insani seperti yang dianjurkan oleh Islam, terus utuh dan tidak tercemar.

Dalam menyingkap kembali tabir sejarah, kita jangan lupa bahawa pemudaran era sains Islam telah berlaku seiringan dengan, di antara lain-lainnya, peningkatan usaha tradisi keagamaan yang sempit dan jumud. Keadaan ini terus merosot hinggalah ia menjadi hancur pada kurun ke-14 masihi.¹⁹ Kita tidak sanggup melihat malapetaka keilmuan dan tamadun ini berulang sekali lagi.

Sebagai penutup babak perbincangan tentang alam sains dan peranan ijtihad serta mujtahid, sayugia diingatkan bahawa kedengkelan ilmu Islam serta pengamalannya di pihak ahli-ahli sains yang mendakwa dirinya Muslim adalah amat berbahaya bagi ummah khususnya serta insan sejagat amnya. Seiringan dengan itu, jangan pula dialpakan akan hakikat bahawa ketidakpekaan tentang perkembangan sains di kalangan ulama tradisional seperti para fuqaha' adalah sedahsyat bahaya tadi.

Nota Hujung

1. Yusuf al-Qaradawi, *Al-Ijtihad fi al-Shari'ah al-Islamiyyah ma'a Nazaratin Tahliliyyatin fi al-Ijtihad al-Mu'asir*. Alih bahasa Drs. Achmad Syathori. Ijtihad Dalam Syari'at Islam - Beberapa Pandangan Analisis Tentang Ijtihad Kontemporer. Jakarta: P T Bulan Bintang, 1987, h. 1.
2. Profesor Madya Mohamad Kamil Hj Abdul Majid, "Ijtihad Kontemporari: Beberapa pandangan Yusof al-Qaradhawi", *Jurnal Syariah*, j. 1. bil. 2, Julai 1993, h. 163.
3. *Ibid*, h. 164.
4. S.M.N. Al-Attas, *Islam and Secularism*, Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia, 1978, h. 150.
5. M. Bucaille, *La Bible, le Coran et la Science*, (English translation by Pannell, A.D. & the author entitled *The Bible, the Quran and Science*, Indianapolis: North American Trust Publication, 1978, h. 110.
6. *Ibid*, hh. 110-207.
7. A. Rahman, *Quranic Sciences*. Singapore: Pustaka Nasional, 1981.
8. Osman Bakar, *Tawhid and Science - Essays on the History and Philosophy of Islamic Science*, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1991, hh. 2-3.
9. Al-Syatibi, *Al-Muwafaqat*, Kaherah: tanpa penerbit, 1975, j. 2, h. 8. Dinukil oleh Mohd. Noor B. Deris. "Susunan Keutamaan Maslahah dan Fungsinya dalam Perundangan Islam". *Jurnal Syariah*, j. 1, bil. 2, Julai 1993, hh. 174-81.
10. Husain Hamid Hassan. *Nazariyyah al-Maslahah fi al-Fiqh al-Islami*, Kaherah; tanpa penerbit, 1971, h. 44. Dinukil oleh Mohd. Noor B. Deris, op.cit.

11. Profesor Madya Mohamad Kamil Hj Abdul Majid, *op.cit.*, h. 170.
12. Al-Qaradawi, *op.cit.*, hh. 255-60.
13. *Ibid*, hh. 6-67.
14. Muhammad Salam Madkur, *Tarikh al-Tashri' al-Islami wa Masadiruhu*, Kaherah, 1958. Dinukilkan oleh A. Monir Yaacob, *Sejarah Perundangan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988, h. 74.
15. Osman Bakar, *op.cit.*, hh. 214-15.
16. Al-Qaradawi, *op.cit.*, h. 315.
17. *Ibid*, hh. 268-71.
18. Ata-ur-Rahman, "Scientific Education in Muslim Countries - Principles and Guidelines," dalam al-Faruqi I.R. & Naseef, A.O. (eds.), *Social and Natural Sciences (Islamic Education Series)*, Jeddah: King Abdulaziz University, 1981, h. 167.
19. P. Hoodbhoy, *Islam and Science - Religious Orthodoxy and the Battle for Rationality*, Kuala Lumpur: S. Abdul Majid & Co., 1992, hh. 95-96.